

**BERITA ONLINE
UTUSAN MALAYSIA
TARIKH : 07 OKTOBER 2021 (KHAMIS)**



Peta Mystart-Up sasaran 5 tahun lahir 5 syarikat tempatan STIE



ADHAM Baba ketika berucap merasmikan Laporan Tinjauan Sains 2020 terbitan Akademi Sains Malaysia secara maya hari ini. – Ihsan Akademi Sains Malaysia

Oleh AMREE AHMAD 7 Oktober 2021, 2:09 pm

PUTRAJAYA: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi berhasrat membantu melahirkan banyak syarikat berasaskan teknologi tempatan demi memperkasakan sains, teknologi, inovasi dan ekonomi (STIE) sebagai bidang berpotensi luas di negara ini.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Adham Baba berkata, kementerian dengan kerjasama pelbagai agensi juga membangunkan peta laluan sektor strategik iaitu Peta MyStart-Up dengan sasaran lima syarikat tempatan dilahirkan dalam tempoh lima tahun kelak.

Menurut beliau, ia melibatkan kerjasama awam dan swasta meliputi pelbagai kementerian selain syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat tempatan besar (LLC) untuk tujuan itu bagi pembangunan bidang berpotensi besar seperti seperti robotik, teknologi nano dan ekonomi hidrogen.

Kata beliau, ini termasuk usaha pembangunan vaksin turut dimasukkan dalam pelan itu bagi melonjakkan usaha negara ini bakal dirujuk sebagai penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan, penginovasian dan perekonomian.

“Justeru, GLC dan LLC wajar bersama terlibat menyokong firma pemula terbabit yang berteraskan perusahaan teknologi,” katanya ketika berucap merasmikan Laporan Tinjauan Sains 2020 terbitan Akademi Sains Malaysia (ASM) secara maya hari ini dengan tema ‘Membuka Kunci Masa Depan’.

Ia adalah edisi ketiga selepas 2015 dan 2017, namun, versi terbaharu memaparkan tempoh 30 tahun pencapaian sains negara setelah pelancaran Wawasan 2020 pada lebih tiga dekad lalu.

Pada masa sama, beliau berharap ASM membantu pihak kementerian untuk memajukan dasar nasional berkaitan teknologi terkini meliputi pelan hala tuju dan tindakan bersepadu.

Malaysia jelasnya, memerlukan banyak syarikat berteknologi bagi menjayakan idea inovasi bagi merancakkan ekonomi Malaysia dan membuka banyak peluang kerjaya selain menjadikan pemain teknologi negara ini lebih bertaraf dunia dan kompetitif.

Beliau turut memuji ASM yang berjaya mendidik minat rakyat negara ini khususnya generasi muda kepada bidang STIE sejajar Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021-2030.

Usaha berterusan itu turut dibantu Majlis Sains Negara, malah, Kabinet turut mewujudkan Unit Pengurusan Penyelidikan di bawah Unit Perancangan Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang mana segala inisiatif itu diharap dapat menyelaras mekanisme pemain utama untuk menjana aktiviti ekosistem STIE selaras dengan keutamaan negara. -UTUSAN ONLINE